

30 TAHUN KEKAL DI PASARAN!

1 OKT 2013 Bil: 651



Ramaja

AB
Audit Bureau
of Circulations

HANYA
RM5

Yuna
Cerita
album
US &
Si dia

'CURI'

10

Rahsia
Insan Terhebat

Sedalam Mana
Cintamu?

Amboii... Dah
Mula Tunjuk
Belang!

Kenapa Saya Tak
'Laku-Laku'?

mesti baca!

Merana kekasih
ketagih



EKSPERIMEN

**GAYA
OMIBRE**

pasti wow!

Petanda
Si Dia
Lelaki Setia

ISSN 1675-0454



9 771675 045054

19



DUA BUDAYA JUICY COUTURE

Dikenali dengan stail ringkas nan mewah itulah aura seri Juicy Couture. Tampil dengan aura glamor dan *sofistikated*, ia ibarat memberi nafas baru buat penggemar fesyen dunia. Bagi koleksi musim luruh/sejuk kali ini, jenama ini memberikan dua pertembungan gaya iaitu *boho* dan *Parisian Chic* sebagai ikonik utama.

Dua stail ini dicipta dengan sentuhan lebih elegan namun tidaklah sarat keterlaluan. Corak dan rekaan pula diterap daripada cetakan flora serta garisan yang bisa menimbulkan *statement* tersendiri. Kini miliki koleksi Juicy Couture agar lebih yakin dan bergaya selalu.

Menggamit inspirasi berbeza, inilah kematangan gaya Juicy Couture yang sentiasa dinantikan.



Mainan warna yang membuatkan mata yang memandang tertarik dan terukau.



Ringkas, struktur yang pelbagai dan multi fungsi, CR2 kini kembali dengan koleksi musim luruh terbaru. Bermain dengan pelbagai warna, rekaan kali ini sangat santai dan berbaloi untuk dimiliki. Koleksi kasut dan beg tangan terbaru menepati jiwa remaja.

Bagi yang tidak menggemari beg tangan bersaiz besar, kamu boleh mendapatkan beg kecil yang mampu memuatkan wang, kad dan telefon bimbit kamu. CR2 menjanjikan kelainan kepada si pemakai yang pastinya berpuas hati dengan rekaan terbaru ini.

CR2 PENUH GAYA DAN VERSATIL



Kekal dengan konsep penuh gemerlapan, label tempatan yang semakin gah di persada fesyen antarabangsa Farah Khan kembali dengan koleksi lebih mengujakan. Diberi nama 'Statuesque Beauty' rekaan hebat musim luruh /sejuk 2013 ini dikatakan lebih memberi fokus kepada potongan tepat tubuh disulam bersama kemilau batuan manik mewah melengkap segenap impian wanita.

Siluet ini turut dipersembahkan dengan sentuhan magis yang tidak terlalu kompleks ibarat sebuah monumen seni penuh keikhlasan. Kagum melihat, inilah bingkisan indah Farah Khan bersama elegan logam juga tanah menjadi titik seri buat suri.



Memukau, koleksi 'Statuesque Beauty' sangat sesuai digayakan untuk merayakan musim cinta bersama si dia.



GEMILANG KILAU FARAH KHAN



Rekaan yang ringkas membuatkan si jejaka tampak santai, kemas dan relax.

Chargers Outfitters tampil dengan koleksi terbaru yang lebih ceria dan bertenaga. Gabungan warna-warna ceria dan grafik untuk pakaian asas direka khas untuk menonjolkan gaya berani dan kreatif. Koleksi yang diberi nama "Bright City Lights" tertumpu kepada seluar, *T-shirt*, *jeans*, jaket, seluar pendek dan baju kasual. Rekaan terbaru ini sesuai untuk pemakai yang gemar bergaya kemas dan selesa. Kini, koleksi Chargers Outfitters boleh didapati di gedung membeli-belah utama seperti Parkson dan Outfitters Studios dan harga bermula dari RM49.90 sehingga RM199.90.

GAYA BERTENAGA CHARGERS OUTFITTERS